



Nukilan
Jamilah Bebe Mohamad
Guru Bahasa Kanan
Pusat Bahasa Moden (PBM)
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)



Karya Kreatif

Warkah Buat Anakanda

Adapun pada hari ini, anakanda melangkah ke asrama, maka bukanlah ia tanda terputusnya ikatan kasih, melainkan alamat bahawa anakanda sedang diasuh untuk tegak berdiri dengan upaya sendiri.

Pada hari ini tangan anakanda dilepaskan, bukan kerana kasih itu berkurang atau terhenti, melainkan agar anakanda belajar memilih jalan, serta memikul amanah setiap keputusan.

Pada hari ini tulus kasihnya keluarga, dikirim bersama doa yang tidak pernah putus, menjadi bekal di setiap persimpangan hidup, hingga anakanda pulang sebagai insan bererti.

Anakanda,
Maka ingatlah pesanan al-Quran,
Sebagaimana Luqman menasihati anaknya,
Dirikanlah Solat, Peliharalah Adab, dan Bersabarlah atas segala ujian,
kerana sesungguhnya Allah meninggikan darjat orang yang beriman dan berilmu.



[Creative Work](#)

Warkah Buat Anakanda

14 January 2026

-
- 24 views

[View PDF](#)